



LAPORAN TAHUNAN  
**2013**  
ANNUAL REPORT



## KANDUNGAN | CONTENTS

- 03 • Latar Belakang Pustaka Negeri Sarawak  
*Pustaka Negeri Sarawak's Background*
- 04 • Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan  
*Message from the Chairman of the Board of Management*
- 06 • Perutusan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif  
*Message from the Acting Chief Executive Officer*
- 08 • Carta Organisasi  
*Organization Chart*
- 09 • Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak  
*The Board of Management Pustaka Negeri Sarawak*
- 10 • Pihak Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak  
*The Management of Pustaka Negeri Sarawak*
- 17 • Pencapaian Korporat  
*Corporate Highlights*
- 20 • Aktiviti-aktiviti Pustaka  
*Activities around Pustaka*
- 33 • Pencapaian Sektor Perkhidmatan Depositori  
*Depository Services Sector's Highlights*
- 38 • Ringkasan Statistik Perkhidmatan Korporat  
*Corporate Services Statistical Summary*
- 41 • Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan  
*Library Services Statistical Summary*
- 46 • Ringkasan Statistik Perkhidmatan Depositori  
*Depository Services Statistical Summary*
- 49 • Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan Awam  
*Public Library Services Statistical Summary*
- 50 • Penyata Kewangan  
*Financial Statements*



## **PUSTAKA NEGERI SARAWAK SARAWAK STATE LIBRARY**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,  
93050 Petra Jaya, Kuching,  
Sabarawak, Malaysia.

Tel: 6 082 442000  
Faks / Fax: 6 082 449944



## **PUSTAKA MIRI**

Jalan Kipas, Miri City Fan,  
98000 Miri,  
Sabarawak, Malaysia.

Tel: 6 085 422525  
Faks / Fax : 6 085 414444



## **REPOSITORI REKOD NEGERI STATE RECORDS REPOSITORY**

Jalan Sultan Tengah,  
93050 Petra Jaya, Kuching,  
Sabarawak, Malaysia.

Tel: 6 082 440488  
Faks / Fax: 6 082 440484

# LATAR BELAKANG PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## PUSTAKA NEGERI SARAWAK'S BACKGROUND



### VISI | VISION

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.

*To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.*

### MISI | MISSION

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.

*To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.*

### OBJEKTIF | OBJECTIVE

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.

*To promote acculturation of knowledge in the State.*

### SASARAN | TARGET

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui PUSTAKA NEGERI SARAWAK.

*To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.*

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGURUSAN

## ► MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF THE BOARD OF MANAGEMENT

*Pembaca* yang dihormati,

Pihak Lembaga Pengurusan Pustaka dengan bangganya mengemukakan Laporan Tahunan 2013 yang memaparkan semua aktiviti dan program yang telah dijalankan sepanjang tahun ini serta keseluruhan laporan pencapaian tahunannya. Fokus tahun 2013 adalah Pustaka Sebagai Sebuah Pusat Kecemerlangan, tema yang dipilih semasa Pemurnian Perancangan Strategik pada tahun 2012.

Dalam tahun 2013, kami sentiasa mencari jalan untuk membolehkan para pengguna dan komuniti mendapat manfaat menerusi wadah maklumat dan informasi bagi menyokong

aktiviti pembelajaran, rekreasi dan penyelidikan. Selain daripada menyediakan perkhidmatan utama seperti penyediaan koleksi bercetak dan atas talian, perkhidmatan nilai tambah seperti kelas literasi maklumat, rujukan dan bantuan perkhidmatan rujukan dan juga perkhidmatan jangkauan, kami juga mengenalpasti dan melaksanakan projek-projek utama seperti Key Focus Activities (KFA), Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Program Penambahbaikan Berterusan (CIP) ke atas perkhidmatan teras kami bagi memperkasakan keupayaan kami untuk membantu para pengguna dalam menggunakan maklumat

dan juga meningkatkan pengamalan para pengunjung sama ada secara fizikal ataupun secara maya.

Antara pencapaian utama kami pada tahun 2013 antara lainya adalah : Memorandum Persefahaman telah dimeterai dengan The Board of Trustees of the Brooke Heritage Trust pada 24 Jun 2013 di mana sebanyak 36,514 fail dan gambar-gambar telah diserahkan kepada Pustaka. Ini telah mendorong Sektor Despositori kami untuk terus memelihara khazanah dokumentari negeri Sarawak untuk rujukan masa hadapan. Kerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berkenaan Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) di mana komuniti di kawasan pedalaman kini dapat menikmati perkhidmatan Internet secara percuma, kolaborasi dengan Unit ICT Kerajaan Negeri yang meneruskan program latihan untuk Amalan Pengurusan Rekod untuk tahun 2013, kerjasama pintar dengan menjadi ahli konsortium K@Borneo telah berjaya dilaksanakan dan pemeliharaan sumber maklumat berkenaan Borneo dan Memorandum Kerjasama di antara ahli telahpun ditandatangani dan diperbaharui di Banjarmasin, Indonesia pada 9 April 2013.



Menyedari persekitaran pada masa kini yang tidak dapat lari daripada persaingan dan tanpa sempadan, maka kami telah mengkaji semula perkhidmatan dan kemudahan kami dalam rangkaan pelan dua tahun (2014 hingga 2015). Perkhidmatan Rujukan dan pembangunan Koleksi Sarawakiana akan diperkuuhkan selaras dengan perkhidmatan teras. Penilaian terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang sedia ada akan dilakukan dan pengagihan sumber juga akan diutamakan. Perkhidmatan yang kurang popular akan dikurangkan dan ditamatkan. Langkah ini akan membolehkan Pustaka meningkatkan kerelevan dan kepentinganya kepada para pengguna dan orang awam.

Kami akan mengadakan kajian yang berterusan terhadap perkhidmatan dan kemudahan kami, membantu pengguna kami untuk mencari, menilai dan menggunakan sumber-sumber informasi secara pintar , memastikan perkhidmatan yang kami tawarkan adalah amat diperlukan. Layari laman web kami di [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com) untuk maklumat terkini tentang aktiviti dan program kami.

Selain dikenali sebagai perpustakaan di dalam taman, taman kami juga menyumbang ke arah masyarakat yang cergas dan sihat. Taman dan tasik terus menarik perhatian ramai pengunjung, sama ada untuk memberi makan ikan, untuk bersenam atau hanya untuk menikmati kehijauan persekitaran.

Melalui program kerjasama, sukarelawan dan aktiviti di kalangan kakitangan, taman kami sentiasa dipelihara daripada sampah sarap, pokok dan bunga ditanam, segala bahaya dikenalpasti serta vandalisme dicegah. Selain daripada itu, pasukan penyelenggaraan turut ditugaskan untuk melakukan penyelenggaraan secara rutin dan pemantauan terhadap taman dan tasik. Kami mengalau-alukan kehadiran orang ramai yang berminat untuk turut serta dan membantu dalam meningkat dan mengekalkan taman tersebut melalui program kebersihan, penanaman pokok, merumput dan projek-projek pengindahan taman agar ianya dapat dinikmati semua.

Akhir kata, Terima Kasih kepada anda semua yang telah memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk terus menjadi sebahagian yang penting dalam persekitaran pembelajaran dan aspek penting di dalam kehidupan masyarakat.



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo  
Pengerusi, Lembaga Pengurusan  
Pustaka Negeri Sarawak

## *Dear Readers,*

Welcome to Pustaka's 2013 Annual Report. I am pleased to present to you this year's annual report which summarizes all our activities, programs and the overall performance for the year. The year 2013 focused on Pustaka as a **Center of Excellence**, a theme derived from our strategic plan retreat in 2012.

In 2013, we were constantly looking into ways to enable our users and the community to get the best out of the rich information environment to support their learning, recreational and research activities. Apart from providing key essential services such as making readily available print and online collection, providing value-added services such as information literacy classes, reference and referral assistance and outreach services, we also have identified and worked on various key projects such as KFA (Key Focus Area), Innovative, Creative Circle (ICC) and Continual Improvement Programs (CIP) on our core business to enrich our capabilities in helping users in their use of information and also to provide an enriching experience for our visitors on-site or virtually.

Some highlights on our major achievement in 2013, which among others were: A Memorandum of Agreement (MOA) was signed with The Board of Trustees of the Brooke Heritage Trust on 24<sup>th</sup> June 2013, a total of 36,514 files and photos were given to us. This is where our State Repository continues to preserve the documentary heritage of Sarawak for future posterity. Collaboration with the National Library and Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) on Universal Service Provision (USP) libraries where the rural communities are enjoying free Internet access now; Collaboration with the State ICT Unit which continued to provide training on Records Management practises for the whole of 2013; Smart partnership through membership with consortium called K@Borneo have successfully identified and preserved information resources on Borneo and a Memorandum of Cooperation (MOC) between the members which was endorsed in Banjarmasin, Indonesia and was renewed on 9<sup>th</sup> April 2013

In realizing the very competitive and borderless environment of the world we live in today, in our 2-year plan (2014 to 2015), we will look into streamlining the services and facilities for the users. Reference Services and the development of Sarawakiana Collection will be strengthened in line with our core functions. An assessment of existing services and facilities will be done and reallocation of resources is prerequisite. Fringe and unpopular services may be reduced or terminated. These steps will be able to enhance our relevance and importance to our users and members of the public.

We will continuously do the assessment of our services and facilities, assist our users to find, evaluate, and make intelligent use of information resources, to ensure that the services we offer are the services needed. Do visit our website at [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com) for latest updates on our activities and programs.

Apart from being a "library" in the park, our garden also contributes towards a fit and healthy community. The garden and lake continue to draw crowds, either to feed the fish, to exercise or simply to enjoy the greenery.

Through partnerships, volunteers and staff activities, our garden was also constantly being spruced up by removing litters , planting trees and flowers, identifying hazards as well as preventing vandalism. In addition to these efforts, the hired maintenance team did the routine maintenance and monitoring of the garden and lake. We welcome members of the public who are interested to adopt part of the park or help enhance and maintain the garden through clean-up efforts, tree plantings, weeding or any park beautification projects for all to enjoy.

Finally, Thank You to all of you that have given us support and encouragement to continue to remain as an important part of your learning environment and as an essential aspect to the lives of our communities.



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo  
Chairman of the Board of Management  
Pustaka Negeri Sarawak

# PERUTUSAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## ► MESSAGE FROM THE ACTING CHIEF EXECUTIVE OFFICER

*Assalamualaikum*

warahmatullahi wabarakatuh.

Tahun 2013 terus hebat untuk Pustaka dengan usaha berterusan ke arah kecemerlangan. Perubahan yang diperlukan bagi mendepani perubahan lanskap dunia maklumat dan perpustakaan yang dinamik dapat dilaksanakan melalui pendekatan penambahbaikan sistematis.

Pustaka, sama seperti komuniti perpustakaan global, turut terkesan oleh cabaran yang datang bersama kemudahan memiliki serta mencapai peralatan mudah alih. Pengguna perpustakaan dibanjiri oleh ombak maklumat dari pelbagai sumber dalam talian sehingga mereka terasa serba cukup dan menjelaskan lawatan mereka ke perpustakaan.

Tarikan rangkaian sosial dan permainan interaktif dalam talian turut mengambil sebahagian besar daripada masa pengguna. Hal ini bertambah buruk dengan rangkaian televisyen satelit yang menawarkan cerita dan hiburan terkini. Selain daripada itu, revolusi teknologi juga memberi kesan terhadap penghasilan dan pengendalian rekod-rekod awam apabila penjawat awam

semakin kerap bergantung kepada e-mel, mesej pesanan ringkas dan sistem komunikasi elektronik yang lain. Ini menjadi suatu cabaran yang sangat besar kepada penyelenggaraan dan pemuliharaan rekod awam untuk rujukan dan kegunaan masa hadapan.

Walau sebesar manapun cabaran-cabaran ini, kita tidak patut menjadikannya alasan bagi menghadkan usaha tetapi sebaliknya sebagai pemangkin untuk mempertingkatkan keupayaan. Cabaran-cabaran ini sebenarnya adalah peluang-peluang baru bagi pustakawan dan arkivis dalam memberikan penyelesaian serta perkhidmatan baru yang lebih baik kepada pengguna. Apabila pengguna berdepan dengan jumlah maklumat yang sangat banyak, kebergantungan mereka kepada pustakawan dan perpustakaan, arkivis dan arkib, akan meningkat pada masa hadapan. Perasaan serba cukup yang dibawa oleh Google dan telefon pintar akan lenyap apabila kenyataan menyerlah. Jika peranan pustakawan dan arkivis sangat penting ketika kita menghasilkan sedikit maklumat pada masa yang lampau, adalah suatu yang sangat pasti bahawa dalam

era ledakan maklumat sekarang ini peranan mereka akan bertambah perlu. Peranan mereka mungkin bukan lagi menjaga meja rujukan dan mengendali buku-buku tetapi memastikan akses yang berterusan kepada sumber maklumat yang pelbagai dan memperkasa pengguna melalui latihan literasi maklumat.

Selari dengan peredaran masa, Lembaga Pengurusan telah memberikan panduan yang berterusan kepada Pustaka dengan penuh iltizam dan kesungguhan. Saya ingin merekodkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Sunny Si dan Cik Lucy Wong yang telah menyumbang sebagai ahli lembaga selama 12 tahun. Saya juga ingin mengalu-alukan Datuk Alfred Yap, Datu Misnu Haji Taha and Dr. Rita Manurung selaku ahli lembaga yang baru. Bantuan dan nasihat dari Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia amat bermanfaat bagi Pustaka. Sumbangan rakan-rakan asing dan tempatan turut mempertingkatkan pencapaian dan perkhidmatan kami. Sokongan dan galakan daripada pengguna terus memberikan semangat untuk kami bekerja lebih keras.

Oleh kerana amat sukar untuk kita meramal masa depan, maka kami akan meneruskan kerjasama dengan semua pihak demi membina masa depan yang lebih baik untuk Pustaka Negeri Sarawak.

Terima kasih.



Encik Japri Bujang Masli

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Pustaka Negeri Sarawak

## *Assalamualaikum*

warahmatullahi wabarakatuh.

The year 2013 has been great for Pustaka as we continue to strive for excellence. Systematic implementation of improvement and innovation programmes continue to help us in bringing about changes needed to adjust to the ever changing landscape of the library and information world.

Challenges brought about by the ever more affordable access to and ownership of mobile devices continues to not just affecting Pustaka but also library communities globally. Library users are flooded by information from plethora of online sources making them feel self sufficient which is translated into less frequent library visits. The attractions of social networks and online interactive games have also taken significant portion of users' time. These are made worse by the impact of satellite television channels offering latest and entertaining movies. Apart from that, technological revolution is also affecting the creation and handling of public records with increasing reliance on e-mail, short message service (sms) and other electronic communication systems amongst public servants. This is a huge challenge to the preservation and conservation of public records for future use and references.

As huge challenges as they are, to limit our efforts to these challenges is not right but instead capitalising on them and challenge our own limits is a better choice. These challenges are actually new opportunities both for librarians and archivists to come up with better solutions and services for the users. As users are handling huge amount of information and having less time to spend, their reliance on libraries and librarians, archives and archivist, will become more prominent in the future. The sense of self sufficiency brought about by Google and smartphones will soon fade as reality sets in. If roles of librarians and archivists were so important when we produce so little information many years back, there is no doubt that the age of information explosion we are living in now will strengthen their roles. The roles may not be in manning reference desks and handling physical books as they used to be, but in ensuring continued users' access to the myriad of information resources and empowering users through information literacy training.

As time goes by, the Board of Management continues to guide Pustaka with passions and commitments. I would like to put on record my gratitude and appreciation to Mr. Sunny Si and Ms Lucy Wong, the outgoing board members who have been with Pustaka for 12 years. I would also like to

welcome Datuk Alfred Yap, Datu Misnu Hajji Taha and Dr. Rita Manurung, the new members of the Board. Help and advice given by the National Library of Malaysia, the National Archive of Malaysia and the Council of Malaysian Public Libraries' Directors are always of great help to Pustaka. Contributions from our local and foreign partners have extended our reach and expanded our services. Supports and encouragements from users continue to drive us to work even harder.

As it is almost impossible to predict the future, we shall continue to work together with all parties in creating a better future for Pustaka Negeri Sarawak.


Thank you.



Encik Japri Bujang Masli  
Acting Chief Executive Officer  
Pustaka Negeri Sarawak

# CARTA ORGANISASI

## ► ORGANIZATION CHART



# AHLI LEMBAGA PENGURUSAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## THE BOARD OF MANAGEMENT PUSTAKA NEGERI SARAWAK



**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo**

Pengerusi, Lembaga Pengurusan  
Pustaka Negeri Sarawak  
*Chairman of the Board of Management*  
Pustaka Negeri Sarawak



**YB Tan Sri Datuk Amar Haji  
Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani**

Setiausaha Kerajaan, Sarawak  
State Secretary, Sarawak



**YBhg. Datu Haji Misnu  
Haji Taha**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri  
Deputy State Secretary



**YBhg. Dr. Haji Abdul  
Rahman Deen**

Pengarah  
Unit Pembangunan Tenaga Kerja Sarawak  
Director  
Workforce Development Unit



**YBhg. Dato' Raslin  
Abu Bakar**

Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Director General  
National Library of Malaysia



**Assoc. Prof Dr. Shahren  
Ahmad Zaidi Adruse**

Dekan  
Fakulti Kognitif dan  
Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak  
Dean  
Faculty of Cognitive Sciences &  
Human Development  
Universiti Malaysia Sarawak



**YBhg. Datuk Alfred  
Yap Chin Loi**

Peguam  
Peguambela Tan, Yap & Tang  
Lawyer  
Tan, Yap & Tang Advocates



**YBhg. Dr Rita  
Manurung**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak  
Chief Executive Officer  
Sarawak Biodiversity Centre

# PIHAK PENGURUSAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## ► THE MANAGEMENT OF PUSTAKA NEGERI SARAWAK



**Japri Bujang Masli**

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif  
*Acting Chief Executive Officer*



**Arpah Adenan**

Ketua Sektor Perkhidmatan  
Depositori  
*Head of Sector,  
Depository Services*



**Hayati Sabil**

Ketua Sektor Perkhidmatan  
Perpustakaan  
*Head of Sector,  
Library Services*



**Nesly Rebid**

Ketua Sektor  
Pengurusan Korporat  
*Head of Sector,  
Corporate Management*



**Wan Mazli Wan Razali**

Ketua Sektor Teknologi  
Maklumat & Komunikasi  
*Head of Sector, Information  
& Communication Technology*



**Hajah Salina Haji Zawawi**

Ketua Sektor, Pustaka Miri  
*Head of Sector, Pustaka Miri*



**Duduk, Dari Kiri / Seated, From Left :**

Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Hayati Haji Sabil, Arpah Haji Adenan, Nesly Rebid Abdullah, Japri Bujang Masli, Maurice Braoh, Paidi Amat Mokito, Ramdzan Haji Saman, Kian Ak Tungku

**Duduk, Barisan Pertama,Dari Kiri / Seated, First Row, From Left :**

Laurena Ak Aloh, Masni Morshidi, Ismewatti Haji Narawi, Haspidawati Haji Bujang, Ammie Syarina Mohd. Jelani, Aidashermilla Hashim, Siti Munirah Idris, Nur Ashikin Haji Ahmad, Nelly Yuslinda Bujang Khedif, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Freda Padel, Nor Juliet Munyug Abdullah, Fatimah Yahya

**Duduk, Barisan Kedua, Dari Kiri / Seated, Second, Row From Left :**

Syeeida Ali Husein, Veronica Edward, Geneve Belantau, Norlailawaty Ismail, Suria Sonia Ahip Abdullah, Nur Asikin Ahmad, Zuraidah Mat, Rina Ak Rimong, Nur Syamimi Abdullah, Afiza Ibrahim, Shafinaz Afidia Andrew Affendy, Bronny Lawrence Nawe, Razak Haji Rambili

**Duduk,Barisan Ketiga, Dari Kiri / Seated, Third Row, From Left :**

Mohd. Aidiq Aidi, Sehikh Lui, Abdul Afiq Abdul Aziz, Mohamed Ismauli Abdul Wahab, Zainal Ali, Edison Ricket, Izaruddin Moss, Ahmad Hadafi Pozi, Mohd. Eqbal Mahmud, Mohd. Nazari Razali, Herrie Sulliano Mohammad, Amir Hamzah Ahmad, Saufie Taram

**Berdiri, Barisan Belakang, Dari Kiri / Standing, Back Row, From Left :**

Muhamad Ali Abdul Wahab, Mohd. Lokman Hamzah, Suhaimi Bemban, Mohd. Nazzim Zainuddin, Mohd. Abdullah Hamdan, Norasfia Zainal, Anita Haji Hamdan, Norzihan Abdullah, Khuzainah Khalid, Ainie Umairah Lee Abdullah, Fairul Azli Banchit, Musa Ayob Abdul Rahman, Cyprian Eldred Rossem



**SEKTOR PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**  
**LIBRARY SERVICES SECTOR**



**Hadapan, Duduk,Dari Kiri / In Front, Seated, From Left :**

Razak Haji Rambili, Izaruddin Moss, Edison Ricket, Hayati Haji Sabil, Norlailawaty Ismail, Ramdzan Haji Saman, Kian Ak Tungku

**Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left :**

Sarinah Kassim, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Nadzrah Mohd. Othman, Nur Syamimi Abdullah, Khuzainah Khalid, Zuraidah Mat, Nur Asikin Ahmad, Ainie Umairah Lee Abdullah, Fatimah Yahya, Aidashermilla Hashim, Geneve Belantau, Siti Munirah Idris, Amir Hamzah Ahmad, Herrie Sulliano Mohammad, Rina Ak Rimong, Veronica Edward Sidi, Muhamad Ali Abdul Wahab

**SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT**  
**CORPORATE MANAGEMENT SECTOR**



**Hadapan, Dari Kiri / Front, From Left :**

Ammie Syarina Mohd. Jelani, Syeeda Ali Hussein, Laurena Ak Aloh, Nesly Rebid Abdullah, Japri Bujang Masli, Paidi Amat Mokito, Anita Haji Hamdan, Suria Sonia Abdullah

**Barisan Kedua,Dari Kiri / Second Row, From Left :**

Masni Morshidi, Haspidawati Haji Bujang, Ismewatti Haji Narawi, Norzihan Abdullah, Siti Munirah Idris, Nur Ashikin Haji Ahmad, Norasfia Zainal, Nelly Yuslinda Bujang Khedif, Afiza Ibrahim

**Barisan Belakang, Dari Kiri/ Back Row, From Left :**

Mohd. Lokman Hamzah, Sehih Lui, Arman Chee, Idris Morni, Mohd. Nazzim Zainuddin, Mohamed Ismauli Abdul Wahab, Mohd. Nazari Razali, Mohd. Aidiq Aidi, Mohd. Abdullah Hamdan



**SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI**  
**DEPOSITORY SERVICES SECTOR**



**Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left :**

Shafinaz Afidia Andrew Affendy, Nor Asemah Drahman, Afiza Ibrahim, Roszan Nawi, Suhaimi Bemban, Dayangku Horiah Awang Gani, Saufie Taram, Mohd. Eqbal Mahmud (Duduk/Seated), Arpah Haji Adenan, Mohd. Abdullah Hamdan, Nor Diana Nawawi (Duduk / Seated), Vincent Jinap, Ahmad Hadafi Pozi, Jeysi Halmi, Rozana Octovia Umpu

## SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY SECTOR



Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left :

Musa Ayob Abdul Rahman, Tonny Sherbern, Nur Ashikin Haji Ahmad, Wan Mazli Wan Razali,  
Nor Juliet Edward Munyug Abdullah, Abdul Afiq Abdul Aziz, Freda Padel, Zainal Ali

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENYELIDIKAN RESEARCH & DEVELOPMENT DIVISION



Dari Kiri / From Left:

Dayangku Hadzimah  
Awangku Ahmad, Bronny  
Lawrence Nawe

### AUDIT DALAMAN INTERNAL AUDIT



Maurice Braoh

# PIHAK PENGURUSAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## ► THE MANAGEMENT OF PUSTAKA NEGERI SARAWAK



**PUSTAKA MIRI**



### **Barisan Hadapan, Dari Kiri / First Row, From Left :**

Mohd. Khadzrie Mohd. Ramzie Faizal, Abdul Aziz Bujang, Ahmad Samsudin, Japri Bujang Masli, Salina Zawawi, Lilian Baun Pulo

### **Barisan Kedua, Dari Kiri / Second Row, From Left :**

Awangku Khalifah Awang Medahi, Mohd. Afis Adenan, Abdul Rahman Abdul Rahim, Mohamad Al-Hafiz Shahran, Norfadila Sukardi, Masni Abdullah, Mastinah Hassin, Jamilah Juli

### **Barisan Ketiga, Dari Kiri / Third Row, From Left :**

Muhd. Zaidi Zulkiflee, Fazrul Sapiee, Kaberi Sinau, Mohd. Bakthiar Supardi, Mornira Morris, Kimberley Stefanie, Nur Alia Qaytrina Sim Abdullah, Georgiana Usun Jok, Siti Rohana Saat

### **Barisan Keempat, Dari Kiri / Fourth Row, From Left :**

Mohd. Rasyeddin Abdul Karim, Yusri Bujang, Nur Aimah Nicholas Luyoh, Abg. Mohd. Waliyuddin Abg. Januari, Norfaezan Abdul Jalil, Violet Loh, Nordiana Zaini, Suzanna Abdullah

### **Barisan Belakang, Dari Kiri / Back Row, From Left :**

Awang Yunos Awang Hussain, Abdul Aziz Kassim, Khuzainah Khalid, Azriana Enna Bong, Zuwahir Ilias, Norayah Adenan



### MINI KONVENSYEN KIK PUSTAKA NEGERI SARAWAK 2013

PUSTAKA NEGERI SARAWAK ICC MINI CONVENTION 2013

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Mini Konvensyen KIK 2013 pada 21 Mac 2013 di Auditorium, Pustaka. Sebanyak 6 kumpulan KIK telah bertanding pada kali ini. Panel penilai terdiri daripada Jabatan Ketua Menteri dan MAMPU. Johan telah dimenangi oleh Kumpulan Revolusi (Pustaka), tempat kedua Kumpulan Infowave (DBKU) dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan White Hornbill (Pustaka). Kumpulan yang memenangi tempat pertama akan mewakili negeri Sarawak ke Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia di Pulau Pinang.

Pustaka Negeri Sarawak organized its Innovative and Creative Circle (ICC) Mini Convention 2013 on 21<sup>st</sup> March 2013. It was held in the library's Auditorium and involved a total of six (6) ICC teams. The panel of judges was from the Chief Minister Department and MAMPU. Team Revolusi of Pustaka emerged champion while DBKU's Infowave took second placing and Pustaka's White Hornbill came in third. The champion will represent the State in the Malaysia Public Libraries ICC Convention in Penang.

**WHITE HORNBILL JUARAI KONVENTSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT ZON SELATAN**

**WHITE HORNBILL EMERGED THE BEST IN THE SARAWAK SOUTHERN ZONE ICC CONVENTION**



Kumpulan White Hornbill telah menjuarai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Peringkat Zon, 2013 anjuran Jabatan Ketua Menteri ( Kategori Agensi Kerajaan Negeri & Badan Berkanun ) yang berlangsung pada 18 – 20 Jun 2013. Tajuk Projek KIK mereka adalah "Kesukaran untuk Mendapatkan Sarawak Gazette di Koleksi Khas, Pustaka Negeri Sarawak". Projek yang dinamakan e-SG - Electronic Sarawak Gazette ini adalah satu sistem yang dicipta untuk memudahkan pengguna mengakses Sarawak Gazette yang telah di digitalkan di laman web Pustaka Negeri Sarawak.

*The White Hornbill was announced as the champion at the Sarawak Southern Zone ICC Convention 2013, which was organized by the Chief Minister Department. They participated in the State Government Agencies and Statutory Bodies category. It was held from 18<sup>th</sup> – 20<sup>th</sup> June 2013. Their project 'Difficulty in Obtaining the Sarawak Gazette in the Special Collection of Pustaka Negeri Sarawak' introduced the system called e-SG (Electronic Sarawak Gazette) which eases the access to the digitized Sarawak Gazette in Pustaka's website.*



## PUSTAKA NEGERI SARAWAK JUARAI PERTANDINGAN BOLA TAMPAR DI PESTA SUKAN PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (SPASM) KE-20

PUSTAKA NEGERI SARAWAK EMERGED GOLD MEDALIST FOR 20th SPASM'S VOLLEYBALL COMPETITION



Pesta Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia (SPASM) ke-20 telah diadakan pada 20 – 23 September 2013 dan dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Seramai 44 atlet Pustaka telah terlibat dalam pesta sukan ini. Pustaka Negeri Sarawak telah memenangi pingat emas untuk pertandingan Bola Tampar (Lelaki), tiga pingat gangsa untuk pertandingan Bola Tampar dan Futsal (Wanita) dan Ping Pong. Manakala untuk kategori pertandingan permainan sukan dalaman, Pustaka telah memenangi pertandingan Congkak dengan meraih tempat kedua. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Dr Hajah Halimah Bt Ali, Pengurus Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).



The 20<sup>th</sup> Malaysia Public Libraries' Sports Meet (SPASM) was held on 20<sup>th</sup> – 23<sup>rd</sup> September 2013 and was hosted by Selangor Public Library Corporation (PPAS). A total of 44 Pustaka's athletes took part in the sports meet. Pustaka took home one gold medal through the Men's Volleyball and three (3) bronze medals (Women's Volleyball, Women's Futsal and Ping Pong). For indoor games, Pustaka also won second place for 'Congkak'. The closing ceremony was officiated by YB Dr Hajah Halimah Bt Ali, PPAS' Board Chairperson.

## AKTIVITI-AKTIVITI PUSTAKA ► ACTIVITIES AROUND PUSTAKA



CERAMAH MENGENAI "PERANAN WANITA DALAM GERAKAN HAK SIVIL" DAN "ALIRAN SEMASA PERPUSTAKAAN AMERIKA" DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

TALK ON ROLES OF WOMEN IN CIVIL RIGHTS MOVEMENT AND CURRENT TRENDS IN AMERICAN LIBRARIES AT SARAWAK STATE LIBRARY



Seramai lebih daripada 70 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan telah menghadiri Ceramah Sudut Linclon anjuran Pustaka Negeri Sarawak dan Kedutaan Amerika Syarikat (Kuala Lumpur) pada 17 Januari 2013 bertempat di Bilik Suratkhabar dan Terbitian Bersiri, Pustaka. Penceramah Myra Brown, seorang pustakawan wilayah dan pegawai sumber maklumat telah memberikan dua ceramah; 'Peranan Wanita dalam Gerakan Hak Sivil' dan 'Aliran Semasa Perpustakaan Amerika'. Semasa ceramah, Myra telah menerangkan bagaimana wanita telah membantu dalam perjuangan untuk menegak keadilan kaum di dalam Pergerakan Hak Sivil Amerika dan kesannya terhadap peranan wanita di Amerika. Beliau juga telah menerokai kehidupan Ella Baker, Septima Clark, Fannie Lou Hamer, Shirley Chisholm yang merupakan antara wanita yang telah berjuang untuk kesaksamaan.

More than 70 participants from various government agencies attended the Lincoln Corner Talk organised by Pustaka Negeri Sarawak and the US Embassy (Kuala Lumpur) on 17<sup>th</sup> January 2013 at the Newspapers and Periodicals Room, Pustaka. Speaker Myra Brown, a regional librarian and information resource officer, conducted two talks; 'Roles of Women in Civil Rights Movement' and 'Current Trends in American Libraries'. During the talk Myra highlighted how women helped fight for racial justice in the American Civil Rights Movement and how it affected the role of women in America. She also explored the lives of Ella Baker, Septima Clark, Fannie Lou Hamer, Shirley Chisholm who were among the notable names in the struggle for equality.

## PUSTAKA MIRI ANJUR BENGKEL KEMAHIRAN SENI: SIMEN FERRO

PUSTAKA MIRI ORGANIZED ART SKILLS WORKSHOP: FERRO CEMENT

**S**eramai 25 orang peserta telah mengikuti Bengkel Kemahiran Seni: Simen Ferro pada 23 Februari 2013. Dua orang fasilitator dari Penjara Pusat Miri iaitu Sarjan Mejari Jaimin bin Gasing dan Warden Eliza Anak Monday telah mengendalikan bengkel yang berlangsung sehari suntuk tersebut. Peserta terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dari pelbagai kawasan Bandaraya Miri. Para peserta telah diberikan pendedahan serta mencuba sendiri cara menggunakan teknik simen ferro untuk membuat hiasan laman atau lanskap.

A total of 25 participants took part in the Ferro Cement Workshop on 23<sup>rd</sup> February 2013. Two (2) facilitators were invited from the Miri Central Prison – Sgt. Major Jaimin bin Gasing and Warden Eliza ak. Monday. The participants were those from the Resident Committees from around Miri City. They were given exposure on the skills and techniques as well as given the opportunity to do it hands-on in making lawn decorative items.





**PUSTAKA ANJUR BENGKEL "BUSKERS"**  
**PUSTAKA ORGANIZED 'BUSKING' WORKSHOP**

Bengkel "Buskers" telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila telah dihadiri oleh 200 orang peserta. Diadakan pada 1 Mac 2013, bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan muzik "buskers" kepada golongan belia agar dapat dijadikan sesuatu aktiviti yang berfaedah selain berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam bidang muzik "buskers". Bengkel telah disampaikan oleh En. Mohammad Dadi Rafiae, En. Sukarno Ishak dan En. Jamaludin Sejili. Bengkel telah dimeriahkan lagi dengan penampilan istimewa oleh kumpulan muzik trio 'Tuku Kamek'. Turut hadir memberi sokongan dan menyampaikan cenderamata ialah Puan Hayati Hj. Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka.

The 'Busking' Workshop received an overwhelming response when it attracted some 200 participants. Held on 1<sup>st</sup> March 2013, the workshop targeted to introduce the art of 'busking' music to youths. It was hoped that the activity will benefit the participants in terms of showing off their talents. The facilitators were Mohammad Dadi Rafiae, Sukarno Ishak and Jamaludin Sejili. The workshop was made more memorable with the performance by 'Tuku Kamek' trio. Present to show support at the event was Library Services Sector Head Hayati Haji Sabil.



## PUSTAKA MIRI'S 'LAN BERAMBEH' PROGRAM AT RH. JAREK, LAMBIR

### PUSTAKA MIRI'S 'LAN BERAMBEH' PROGRAM AT RH. JAREK, LAMBIR

Pustaka Miri dengan kerjasama Miri Local Agenda 21 (LA21) dan beberapa agensi lain telah menganjurkan Program Lan Berambeh di Rh. Jarek, Lambir pada 16 Mac 2013. Program sepanjang hari ini telah dipenuhi dengan aktiviti menyeronokkan dan pendidikan seperti ceramah pendidikan, alam sekitar, maklumat dan kesihatan. Seramai 150 penghuni Rh. Jarek dan penduduk kampung di sekitar Kampung Tuanku Abdul Rahman, Lambir telah mendapat manfaat daripada program ini. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Sibuti, YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang disaksikan oleh Penghulu Randi ak. Elon, Tuai Rumah Jarek ak. Klambu dan Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Hajah Salina Haji Zawawi.

Pustaka Miri, with the collaboration with Miri Local Agenda 21 (LA21) and several other agencies, organized a 'Lan Berambeh' Program at Rh. Jarek, Lambir on 16<sup>th</sup> March 2013. The whole-day program was filled with fun and educational activities including talks on education, environment, health and information. Some 150 occupants of Rh. Jarek and villagers around Kampung Tuanku Abdul Rahman, Lambir benefited from the program. Member of Parliament for Sibuti YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang officially closed the program and it was witnessed by Penghulu Randi ak. Elon, Tuai Rumah Jarek ak. Klambu and Pustaka Miri's Regional Manager Hajah Salina Haji Zawawi.



**MINGGU SAINS,  
MATEMATIK DAN TEKNOLOGI DI  
PUSTAKA MIRI**

**'SCIENCE, MATHEMATICS AND TECHNOLOGY  
WEEK' AT PUSTAKA MIRI**

Pustaka Miri telah mengadakan program tahunannya Minggu Sains Matematik dan Teknologi dari 22 – 26 April 2013. Bertemakan 'Kreativiti Memberi Kuasa Kepada Inovasi', pelbagai aktiviti menarik dan menyeronokkan diadakan sepanjang minggu tersebut seperti ceramah motivasi 'Formula Kejayaan untuk mata pelajaran Sains dan Matematik', pameran 'Evolusi Buku', sesi bercerita, bengkel membuat sabun dari minyak masak, mengeja, kepantasan mengira, 'Pantas Congkak' dan pertandingan 'Build-And-Break. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan generasi muda untuk menghargai dan menyukai mata pelajaran tersebut yang sememangnya sama penting di sekolah.

Pustaka Miri held its annual Science, Mathematics and Technology Week from 22<sup>nd</sup> – 26<sup>th</sup> April 2013. Themed 'Creativity Empowers Innovation', it saw many interesting and fun activities held throughout the week such as a motivational talk on Success Formula for Science and Mathematics Subjects, exhibition on 'The Evolution of Books', Mobile Storytelling Session, workshop on Making Soap from Used Cooking Oil, Spelling Bee, Speed Calculation, 'Pantas Congkak' and Build-And-Break competition. The main objective of the whole event was to encourage the younger generation to appreciate and love these subjects which are equally important in school.





## SAMBUTAN HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA 2013

COMMEMORATING WORLD BOOK and COPYRIGHTS DAY 2013

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013 pada 4 April 2013. Pelbagai program ilmiah telah diadakan sepanjang minggu sambutan tersebut. Antaranya Ceramah Hakcipta dalam Penulisan, Bacaan Kegemaran Saya bersama DJ Osha, Bengkel Kaligrafi, Bengkel Sayangi Buku Anda dan Ceramah Early Childhood Care. Turut diadakan pameran daripada MyIPO, Kementerian Dalam Negeri Bahagian Kawalan, Penerbitan dan Teks Al-quran, Kolej SATT dan MPH Bookstore. Majlis dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, Prof. Dr. Abdul Rahman Deen.

Pustaka Negeri Sarawak organized the Commemoration of World Book and Copyrights Day 2013 on 4<sup>th</sup> April 2013. Many activities were held throughout the week including talk on Copyright in Writings, My Favorite Read Session with DJ Osha, Calligraphy Workshop, 'Love Your Books' Workshop and a talk on 'Early Childhood Care'. There was also an exhibition by MyIPO, Ministry of Internal Affairs, Al-Quran Publication and Text, SATT College and MPH Bookstore. The event was officiated by Pustaka's Board of Management member Prof. Dr. Abdul Rahman Deen.

## AKTIVITI-AKTIVITI PUSTAKA ► ACTIVITIES AROUND PUSTAKA



**MEMPERINGATI FESTIVAL MIRI MAY 2013 DENGAN REKOD BARISAN TERPANJANG FILATELI DI MALAYSIA**

**COMMEMORATING MIRI MAY FEST 2013 WITH A RECORD FOR THE LONGEST PHILATELY LINE IN MALAYSIA**



Majlis Perbandaran Miri (MCC), Pustaka Negeri Sarawak dan salah seorang penggemar dan pengumpul barang antik dan filateli Miri, Lucas Johnny telah bekerjasama untuk mengadakan sambutan memperingati Hari Bandaraya Miri ke-8 dengan menetapkan satu rekod Barisan Terpanjang Filateli. Pencapaian untuk menetapkan rekod dan pengesahan di dalam Malaysia Book of Records (MBR) telah diadakan pada 25 Mei 2013 di Dewan Suarah Miri. Timbalan Menteri Komunikasi dan Sukan Datuk Lee Kim Shin telah menyerikan dan menyaksikan acara tersebut, bersama-sama dengan Datuk Bandar Miri, Lawrence Lai Yew Son dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Japi Haji Bujang Masli. Untuk mencapai rekod kebangsaan dengan barisan filateli yang paling panjang, pengajur perlu beratur sekurang-kurangnya 300 meter bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh MBR. Walaubagaimanapun pengukuran dan rekod rasmi yang telah dicapai adalah dua kali ganda iaitu lebih daripada 696,89 meter.

Miri City Council (MCC), Pustaka Negeri Sarawak and one of Miri City's avid antique and philatelic collectors Lucas Johnny joined hands to commemorate the 8<sup>th</sup> Miri City Day by setting a record for The Longest Philately Line. The feat to set the record and endorsed into the Malaysia Book of Records (MBR) took place on 25<sup>th</sup> May 2013 at Miri Civic Centre. Assistant Minister of Communications and Sports Datuk Lee Kim Shin graced and witnessed the event, together with Miri City Mayor Lawrence Lai Yew Son and Acting Chief Executive Officer of Pustaka Negeri Sarawak Japi Haji Bujang Masli. To achieve the national record of the longest philately line, the organizers needed to line up a minimum of 300 meters in fulfilling the requirement set by MBR. The official measurement and record set was more than double with 696.89 meters.

## PUSTAKA ADAKAN PROGRAM LAN BERAMBEH DI KAMPUNG MELAYU TEBAKANG

PUSTAKA ORGANIZED 'LAN BERAMBEH' PROGRAM AT KAMPUNG MELAYU TEBAKANG

Program Lan Berambeh telah diadakan dengan jayanya di Kampung Tebakang Melayu pada 8 – 9 Jun 2013. Program ini adalah program kerjasama dengan Jawatankuasa Kampung Tebakang Melayu dan Danawa Resource Sendirian Berhad. Program yang diadakan ialah Sesi Literasi Maklumat, Sesi Literasi U-Pustaka, Born to Read, Perkhemahan Ilmu, Bengkel IT Bersama DANAWA, Pertandingan Membaca Warga Emas, Sukaneka Keluarga, Aktiviti Kanak-kanak, Movie Under The Stars dan Bengkel ICT Bersama Warga Emas. Program penutupan telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli.

The 'Lan Berambeh' Program was successfully held in Kampung Tebakang Melayu on 8<sup>th</sup> and 9<sup>th</sup> June 2013. It was co-organized with the village's Committee and Danawa Resources Sdn. Bhd. The program included Information Literacy Skills Session, u-Pustaka Literacy Session, Born To Read, Knowledge Camp, IT Workshop with DANAWA, Senior Citizens' Reading Competition, Family Telematch, Children Activities, Movies Under The Stars and ICT Workshop for Senior Citizens. The closing ceremony was officiated by Pustaka's Acting Chief Executive Officer Japri Haji Bujang Masli.



### PROGRAM ICT MENERUSI GEDUNG ILMU 'TRAIN THE TRAINERS' DI KAPIT

'TRAIN THE TRAINERS' ICT THROUGH KNOWLEDGE PORTAL PROGRAM IN KAPIT

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mengadakan Program ICT Menerusi Gedung Ilmu "Train the Trainers" di Hotel Meligai, Kapit pada 10 – 11 Oktober 2013. Program telah disertai oleh 29 orang kakitangan perpustakaan awam dan desa serta ahli komuniti. Sepanjang program para peserta diajar Kemahiran Literasi Maklumat, program "Klik Dengan Bijak", perkhidmatan Electronic Government, taklimat dan latihan perkhidmatan u-Pustaka, Get Malaysian Business Online (GMBO) dan Early Child Ready to Read. Di majlis penutupan diadakan sesi penyerahan sijil dan pengagihan 180 buah komputer riba 1Malaysia kepada wakil perpustakaan dan ahli komuniti.

*Pustaka Negeri Sarawak in cooperation with the Malaysian Communication and Multimedia Commission (SKMM) conducted the ICT program in Kapit on 10<sup>th</sup> – 11<sup>th</sup> October 2013. A total of 29 participants were involved and they were from the public and village libraries as well as some community members. They were taught Information Literacy Skills, 'Click Smartly' program,*

e-Government services, u-Pustaka, Get Malaysian Business Online (GMBO) and Early Child Ready To Read. Certificates were given and a total of 180 1Malaysia laptops were distributed to representatives of the libraries and community during the closing ceremony.





## MAJLIS PELANJUTAN KHIDMAT "ILMU DI HUJUNG JARI" *'ILMU DI HUJUNG JARI' SERVICE EXTENSION CEREMONY*



Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak telah mengadakan Majlis Pelanjutan Khidmat Ilmu di Hujung Jari Bagi Institusi di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak pada 24 Oktober 2013 di Auditorium,Pustaka. Disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah (D.P.P.C.D), program ini bertujuan untuk memberi peluang penghuni institusi kebajikan untuk mendapat pengetahuan melalui program outreach atau jangkauan ilmu seperti Rakan Buku, Kelas Literasi Maklumat dan pelbagai lagi aktiviti lain yang akan dijalankan secara berkala oleh Pustaka Negeri Sarawak. Turut hadir pada majlis ini ialah YBhg.Dr. Rita Manurung, Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak dan YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita & Pembangunan Keluarga Sarawak.

*Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with Sarawak State Community Welfare Department held the 'Ilmu Di Hujung Jari' Service Extension Ceremony for Institutions under the department on 24<sup>th</sup> October 2013. It was officiated by Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah (D.P.P.C.D) with the objective of giving opportunity to the welfare institutions' inmates to access information by participating in the outreach programs such as Rakan Buku, Information Literacy Class and other periodic activities to be organized by Pustaka. Also present during the event were Minister of Welfare, Women & Family Development YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah and Pustaka's Board of Management member YBhg. Dr. Rita Manurung.*

## AKTIVITI-AKTIVITI PUSTAKA ► ACTIVITIES AROUND PUSTAKA



### KEMBARA ILMU 2013 DI LONG LAPUT

*KEMBARA ILMU 2013 AT LONG LAPUT*

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama tujuh organisasi yang lain telah menganjurkan program Kembara Ilmu 2013 di Long Laput, Baram pada 7 – 8 November 2013. Program telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan, Dennis Ngau. Sebanyak 40 unit komputer riba 1Malaysia telah diserahkan kepada komuniti Long Laput. Penduduk kampung diajar kemahiran asas ICT, penggunaan khidmat kerajaan atas talian, pertolongan cemas serta ceramah berkenaan penjagaan alam sekitar dan keselamatan sungai. Turut diadakan pra-tayangan dokumentari Siri Sarawakiana terkini bertajuk Wira Tidak Didendang: Suara-suara Gerila Unit Khas 'Z' Sarawak.

*Pustaka in the cooperation with seven (7) other organizations successfully organized Kembara Ilmu 2013 at Long Laput, Baram on 7<sup>th</sup> – 8<sup>th</sup> November 2013. The program was officiated by Telang Usan's State Assemblyman YB Dennis Ngau. A total of 40 units of 1Malaysia laptop were distributed to the Long Laput community. The villagers were taught ICT basic skills, e-Government, life-saving techniques or CPR as well as talks on care for the environment and river safety. A pre-screening of Sarawakiana Series documentary 'Unsung Heroes: The Voices of the 'Z' Guerilla Unit'.*

## SAMBUTAN MINGGU INTEGRITI & INOVASI PUSTAKA NEGERI SARAWAK 2013

INTEGRITY & INNOVATION WEEK AT PUSTAKA NEGERI SARAWAK 2013

Minggu Integriti dan Inovasi Pustaka Negeri Sarawak 2013 telah diadakan dengan jayanya pada 11 – 15 November 2013. Bertemakan Inovasi Berintegriti, pelbagai program untuk penyertaan orang awam dan staf diadakan seperti pameran oleh agensi kerajaan, Senamrobik, Ceramah, Majlis Penanaman Pokok, Kempen Kebersihan, Pertandingan Rekaciptativiti, Pertandingan Fotografi "The World of Pustaka Through The Eyes Of Its Employees", Sukaneka dan Aktiviti Penyelenggaraan Taman Hiasan dan Buah-buahan. Majlis sambutan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Beliau telah melancarkan Sistem Pembayaran Secara Online Pustaka Negeri Sarawak dan menyampaikan anugerah kepada pemenang



pertandingan Cadangan Inovasi dan Slogan Terbaik, Pengamal 5S terbaik dan harapan, pertandingan ciptaREKAtiviti 2013, pertandingan fotografi Pustaka " The World of Pustaka Through the Eyes of Its Employees", anugerah CERMIN dan penghargaan khas kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Pustaka, "White Hornbill".

*The Pustaka Negeri Sarawak's Integrity & Innovation Week 2013 was successfully held from 11<sup>th</sup> until 15<sup>th</sup> November 2013. Themed 'Innovation with Integrity', various programs were organized for the public and staff alike. The programs were exhibition, mass aerobics, talks, tree-planting, cleanliness campaign, 'CiptaREKAtiviti' Competition, 'The World of Pustaka Through The Eyes of its Employees' Photography Competition, telematch and park maintenance activity. State Secretary YB Tan Sri Datuk Amar Hj. Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani officiated the week as well as launching the library's Online Payment System. Prize presentation to winners was also held during the ceremony.*



# AKTIVITI-AKTIVITI PUSTAKA

## ► ACTIVITIES AROUND PUSTAKA

### PUSTAKA ANJUR PERTANDINGAN MEMANCING DAN BICARA AWAM SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM 2013

PUSTAKA ORGANIZED FISHING COMPETITION  
AND PUBLIC TALKS DURING  
THE PUBLIC SERVICE DAY 2013

**S**empena sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2013, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan pertandingan memancing dan program Bicara Awam pada 30 November 2013. Pertandingan memancing ini telah mendapat sambutan yang hangat apabila disertai oleh 352 orang peserta. Serentak dengan pertandingan tersebut diadakan program Bicara Awam yang bertajuk 'Punca dan Cara Mengatasi Penyakit Strok' dan ceramah 'Herba dan Perubatan'. Pada sebelah petang diadakan tayangan Movie Marathon filem The Lorax, Remember the Titans dan Hoosiers.

*In conjunction with the Public Service Day 2013, Pustaka Negeri Sarawak organized Fishing Competition and Public Talks on 30<sup>th</sup> November 2013. The response to the Fishing Competition was overwhelming with a total of 353 contestants. The talks organized were on 'The Cause and Treatment for Stroke' and 'Herbs and Medicines'. In the afternoon, members of the public were treated to Movie Marathon of The Lorax, Remember the Titans and Hoosiers.*



# PENCAPAIAN SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI

## DEPOSITORY SERVICES SECTOR'S HIGHLIGHTS



### MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA PUSTAKA NEGERI SARAWAK & AMANAH WARISAN BROOKE

THE SIGNING OF MEMORANDUM OF AGREEMENT BETWEEN  
PUSTAKA NEGERI SARAWAK & BROOKE HERITAGE TRUST

